



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEBAHAGIAN JAJARAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT 2) DARI PERSIMPANGAN CHENEH KE PERSIMPANGAN KIJAL

Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184km merupakan salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang telah menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat dan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang Tahun 2020.

Bermula pada 22 Ogos 2011 sehinggalah 21 Julai 2014, Kerajaan telahpun membuka sebahagian jajaran LPT2 kepada laluan awam sepanjang 130km dari Persimpangan Kuala Terengganu sehingga ke Persimpangan Paka dan dari Persimpangan Jabor sehingga ke Persimpangan Cheneh. Pembukaan ini telah memberi kemudahan penjimatan kos, masa dan tenaga yang melibatkan perjalanan pengguna lebuhraya tersebut.

Bersempena musim cuti sekolah, Kerajaan telah memutuskan untuk membuka sebahagian lagi jajaran LPT2 kepada laluan awam dari **Persimpangan Cheneh sehingga ke Persimpangan Kijal** sepanjang 29km mulai **21 November 2014**. Adalah diharapkan dengan pembukaan jajaran ini, ia dapat memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan dapat membantu mengurangkan kesesakan trafik di musim cuti sekolah.

DATO' SRI HJ. FADILLAH BIN HJ. YUSOF

MENTERI KERJA RAYA




20 NOVEMBER 2014

6.00 PETANG

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my